

**ISHAR Abd Manaf**

Universiti Putra Malaysia

**DORI Efendi**

STISIP-NH, Jambi

**AHMAD TARMIZI** Talib

Universiti Putra Malaysia

## **HEGEMONI NEGARA CHINA KE ATAS TIBET: DARI DENG XIAOPING KE HU JINTAO**

### ***CHINA HEGEMONY TOWARDS TIBET: FROM DENG XIAOPING TO HU JINTAO***

*Artikel ini membincangkan hegemoni negara China ke atas Tibet bermula dari era pemerintahan Deng Xiaoping sehingga zaman pentadbiran Hu Jintao. Hegemoni ini dilakukan oleh kedua-dua pemimpin tersebut dengan cara paksaan dan kekerasan bagi mengekang kebangkitan rakyat Tibet dari menentang kerajaan China. Selain itu, mereka juga melakukan hegemoni dengan cara pujuhan melalui pelaksanaan dasar pembangunan untuk mendapat sokongan rakyat Tibet. Walaupun cara pujuhan melalui pendekatan modenisasi ini dilakukan, namun langkah ini ditolak oleh rakyat Tibet kerana meminggirkan kedudukan mereka sebagai pribumi Tibet secara perlahan-lahan. Peminggiran ini adalah disebabkan oleh tindakan kerajaan China membawa masuk etnik Han ke wilayah Tibet untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir yang tidak dapat ditampung oleh rakyat Tibet. Akibat kemasukan etnik Han ini ialah musnahnya identiti, bahasa, agama serta budaya rakyat Tibet. Selain itu, rakyat Tibet juga dinafikan hak mereka dalam aspek ekonomi dan pemerintahan menyebabkan mereka tidak lagi dapat berperanan dalam menentukan masa depan wilayah mereka. Justeru itu, rakyat Tibet melalui sami-sami Budha melakukan protes dengan cara membakar diri. Keadaan ini mendorong masyarakat antarabangsa memberikan tekanan kepada kerajaan China supaya menghormati hak asasi manusia. Walaupun mendapat tekanan antarabangsa, analisis akhir artikel ini mendapati kedua-dua pemimpin China tersebut tetap berkeras dengan memberi amaran supaya negara luar tidak turut terlibat dalam mencampuri urusan dalam negara China.*

**Kata kunci:** *Hegemoni, China, Tibet, Deng Xiaoping, Hu Jintao*

*This article discusses China's hegemony over Tibet from Deng Xiaoping's era to Hu Jintao's administration. Chinese hegemony over Tibet was done through force and coercion to curb the rise of the Tibetan people against the government of China. In addition, they also hegemonized the Tibetans by means of persuasion that was by implementing development policies to gain acceptance among Tibetans. Although the persuasion strategy was taken by introducing modernization approach, this move, however, was rejected by the people of Tibet because it slowly marginalizes their position as indigenous Tibetans. This marginalization is due to the action of the Chinese government in bringing the ethnic Hans into Tibetan areas to meet the needs of skilled manpower that cannot be accommodated by the local Tibetans. The influx of ethnic Hans into Tibet resulted in the destruction of identity, language, religion and culture of Tibet. In addition, the Tibetan people are also denied their rights in the economic and administration spheres, thus causing them to play a lesser role in determining the future of their region. Therefore, the people of Tibet represented by their Buddhist monks staged a protest by burning themselves. This prompted the international community to pressure the Chinese government to respect human rights. Despite international pressure, in the final analysis, this article found that the two leaders stood firm and warned other countries not to get involve by interfering in the internal affairs of China.*

**Keywords:** Hegemony, China, Tibet, Deng Xiaoping, Hu Jintao

## Pengenalan

Hegemoni negara China ke atas Tibet yang bermula pada zaman Mao Zedong telah mewujudkan hubungan tegang di antara kedua-dua buah wilayah. Selepas kematian Mao Zedong, pemerintah negara China yang diketuai oleh Deng Xiaoping telah menukar pendekatan hegemoninya dari kekuasaan politik kepada pengaruh ekonomi. Walaupun terdapat perubahan pendekatan selepas bertukar pemerintah, namun tindakan kekerasan masih digunakan untuk mengekang kebangkitan dan pemberontakan dalam kalangan rakyat Tibet. Tindakan kekerasan tersebut berterusan dalam setiap zaman selepas pemerintahan Deng Xiaoping, iaitu ketika era pentadbiran Jiang Zemin dan Hu Jintao. Bagi menyebarkan hegemoninya, pasukan tentera diperalatkan bagi memperoleh keakuran rakyat Tibet agar tidak lagi bangkit melalui jalan pemberontakan. Namun, langkah tersebut tidak berjaya meredakan kebangkitan rakyat Tibet di wilayah tersebut.

Pertanyaannya, mengapa China gagal untuk meredakan kebangkitan rakyat Tibet? Bagi menjawab pertanyaan ini, artikel ini menganalisis dasar-dasar

pemimpin China setelah Mao Zedong berkuasa. Fokus analisis ditumpukan kepada hubungan Tibet-China di bawah pemerintahan Deng Xiaoping dan juga Jiang Zemin dan Hu Jintao. Aspek lain yang juga dibincangkan ialah tindakan kedua-dua pemimpin ini dalam menyelesaikan konflik China-Tibet.

### **Dasar Ekonomi Terbuka Deng Xiaoping (1978-1989)**

Kejayaan Revolusi Komunis pada tahun 1949 telah meletakkan pemerintahan negara China di bawah kekuasaan Parti Komunis China. Parti tersebut dipimpin oleh tokoh revolusi iaitu Mao Zedong yang merupakan individu amat berpengaruh dalam menentukan masa depan politik China. Di bawah kepimpinan Mao, beliau telah merancang sebuah model pembangunan negara komunis yang sempurna melalui program Langkah Besar Ke Hadapan dan Revolusi Kebudayaan. Dalam model pembangunan ini, Mao Zedong telah menggariskan empat prinsip utama bagi membentuk sebuah negara komunis yang sempurna. Prinsip pertama ialah pembangunan menyeluruh untuk meningkatkan taraf hidup yang sama rata kepada semua rakyat. Kedua, mobilisasi masa sebagai sumber utama pembangunan untuk mempercepat kemajuan dengan mempertahankan revolusi, meningkatkan semangat rajin bekerja dan komitmen terhadap matlamat negara. Prinsip ketiga ialah dominasi politik dan ideologi dalam pembangunan bagi memastikan tidak wujudnya halangan dalam proses untuk membina masyarakat komunis. Keempat ialah desentralisasi yang bertujuan untuk menggalakkan pembabitan massa secara langsung dalam proses pembangunan dan juga membuat keputusan (Meisner 2007:56).

Prinsip tersebut menunjukkan pemerintahan Mao Zedong lebih mementingkan pertimbangan politik daripada pertimbangan ekonomi. Bagi Mao Zedong, pembangunan ekonomi yang bercirikan sistem kapitalis seperti pengkhususan kerja, pembentukan kelas dan individualistik akan menghalang pembentukan negara komunis. Namun konsep yang diperkenalkan oleh Mao Zedong tersebut tidak membawa perubahan ekonomi yang baik bagi rakyat China. Malah tindakannya telah melumpuhkan ekonomi China, tercetusnya rusuhan sosial dan bekalan makanan yang tidak mencukupi. Pada tahun 1976, semasa berlaku perbalahan dalaman Parti Komunis China, Mao Zedong sedang menderita akibat penyakit Sklerosis Lateral Amiotrofik. Penderitaan penyakit tersebut akhirnya menyebabkan beliau meninggal dunia pada akhir tahun 1976 ketika berumur 82 tahun (Stewart 2006:121).

Selepas kematiannya, terdapat dua kumpulan utama yang bersaing untuk menguasai Parti Komunis China pada ketika itu, iaitu Geng Empat diketuai oleh isteri Mao Zedong dan Chiang Ching yang berpegang kepada matlamat untuk meneruskan dasar revolusi secara besar-besaran. Kumpulan kedua melibatkan kelompok sayap kanan yang terdiri daripada dua aliran pemimpin iaitu moderat dan reformis. Pemimpin-pemimpin aliran moderat

seperti Hua Guofeng mendesak Parti Komunis China untuk kembali kepada rancangan berpusat parti yang asal berdasarkan model Soviet. Kelompok reformis yang diketuai oleh Deng Xiaoping memperjuangkan dasar memperbaiki ekonomi China berdasarkan kepada penyerahan kuasa kepada pasaran dalam menentukan dasar ekonomi dan politik (Jeffries 2010:98).

Selepas kematian Mao Zedong, Hua Guofeng yang sebelumnya memegang Jawatan Timbalan Setiausaha Agung Parti Komunis China telah dilantik menjadi Presiden Parti, namun beliau tidak memiliki sokongan yang kuat daripada pemimpin-pemimpin lain. Semasa sidang kali ke-3 Jawatankuasa Pusat ke-11 Kongres Parti Komunis China pada tahun 1978, Deng Xiaoping telah dipilih sebagai Ketua Pusat Parti Komunis China (Stewart 2001:13). Selepas mentadbir negara China, beliau terus merombak dasar negara daripada menumpukan terhadap pembangunan politik kepada ekonomi. Tindakan Deng Xiaoping tersebut bertujuan membangunkan ekonomi negara secara serius bagi menjadikan negara China sebagai negara yang kuat dan kemudiannya dikeluarkan dari kategori negara miskin. Oleh itu, beliau bertindak mempercepatkan proses modenisasi dengan memajukan pertanian, perindustrian, pertahanan serta sains dan teknologi. Langkah ini bertujuan untuk memodenkan bidang-bidang berkaitan kerana beliau menyedari penguasaan sains dan teknologi moden merupakan satu-satunya cara untuk memodenkan negara China (Meisner 2007:93).

Bagi mencapai matlamat ini, Deng Xiaoping menarik pelabur asing untuk menjalankan perindustrian berteknologi tinggi di China seperti menjalinkan hubungan perdagangan dengan syarikat Aerospace Company Boeing Announced milik Amerika Syarikat. Selain itu, seramai enam ribu pelajar China dihantar keluar negara seperti Amerika Syarikat dan Britain untuk meningkatkan ilmu sains dan teknologi (Wang 2010:51). Walaupun Deng Xiaoping memberi tumpuan terhadap reformasi ekonomi, namun beliau tetap memastikan fahaman komunis tidak terancam akibat daripada proses modenisasi tersebut. Beliau menggariskan empat prinsip umum untuk dijadikan panduan kepada setiap pemimpin dalam menjalankan pemerintahan negara, iaitu: (i) menyokong fahaman sosialisme, (ii) menyokong pemerintahan golongan proletariat, (iii) menyokong pemerintahan parti komunis, (iv) menyokong fahaman Marxis Lenisme dan dalam pada masa yang sama mendokong pemikiran Mao (Wang 2010:53).

Bagi Deng Xiaoping, walaupun beliau mengambil idea-idea kapitalis untuk memajukan China, namun tindakannya itu tidak mengeneptikan fahaman komunis yang menjadi asas penting dalam pemerintahan negara. Beliau yakin sekiranya fahaman komunisme dipelihara, maka kuasa politik parti pemerintah juga turut kekal (Wang 2010:53). Oleh itu, jika dianalisis dasar Deng Xiaoping dengan Mao Zedong, walaupun kedua-duanya mempunyai perbezaan dari segi dasar pentadbiran, namun mereka tetap mempertahankan ideologi komunisme sebagai asas utama dalam pemerintahan mereka.

Bagi Deng Xiaoping, melalui agenda reformasinya, beliau telah menggubal semula dasar-dasar Mao Zedong di Tibet yang dianggap terlalu ketat misalnya dalam aspek keagamaan. Pada era pemerintahan Mao Zedong, upacara keagamaan diharamkan di China sedangkan bagi masyarakat Tibet, agama Buddha adalah asas kehidupan mereka (Evans 1994:17). Oleh itu, rakyat Tibet menghadapi tekanan yang besar daripada Mao Zedong apabila amalan keagamaan di wilayah tersebut diharamkan. Tekanan tersebut bertujuan untuk menyebarkan fahaman komunis Mao di Tibet yang baru dijalankan semenjak tentera PLA menceroboh wilayah berkenaan. Keadaan tersebut menyebabkan Deng Xiaoping berhati-hati ketika mengubal dasar Mao Zedong di Tibet.

Dalam aspek keagamaan, Deng Xiaoping bertindak melonggarkan dasar yang dikenakan sebelumnya dengan membaik pulih kuil-kuil yang telah dihancurkan oleh tentara PLA (Wang 2010:43). Namun kuil-kuil yang diperbaiki oleh Deng Xiaoping merupakan kuil-kuil yang dilawati oleh pelancong-pelancong sahaja seperti kuil Potala Palace dan Jokhang Temple. Tindakan Deng Xiaoping memperbaiki kuil-kuil tersebut bertujuan untuk memujuk rakyat Tibet menyokong kepimpinannya dan meredakan kemarahan penduduk di wilayah tersebut. Selain itu, Deng Xiaoping juga bertindak membenarkan rakyat Tibet menjalankan acara keagamaan di kediaman masing-masing dan sami-sami tua dibenarkan kembali ke kuil-kuil Buddha (Smith 2008:44). Walaupun beliau cuba memikat hati rakyat Tibet dengan melonggarkan dasar keagamaan, tetapi rakyat Tibet masih tidak berpuas hati dengan dasar tersebut kerana mereka melihat Deng Xiaoping cuba mengeksplotasi agama dan kuil-kuil Buddha sebagai salah satu pendapatan ekonomi negara (Bramall 2008:39).

Walaupun rakyat Tibet menunjukkan sikap tidak berpuas hati terhadap dasar agamanya, Deng Xiaoping tetap meneruskan dasar-dasar pemodenannya di Tibet. Antaranya memperkenalkan dasar pemodenan pertanian yang menekankan kepada penggunaan tanah secara maksimum seiring dengan perkembangan ekonomi negara. Bagi menjayakan dasar tersebut, Deng Xiaoping menyerahkan peruntukan bantuan kewangan sebanyak 2 bilion Yuan bagi memajukan pertanian padi di wilayah Tibet. Pada tahun 1979, dasar reformasi pertanian tersebut menunjukkan kejayaannya apabila hasil tuaian padi mencapai 494,000 tan (Smith 2009:53). Dasar ini berbeza dengan reformasi tanah yang diperkenalkan oleh Mao Zedong yang membenarkan penduduk Tibet bekerja sebagai petani dan tidak menerima hasilnya. Namun, di bawah kepimpinan Deng Xiaoping, para petani dibenarkan untuk menjual hasil pertaniannya dengan harga yang mahal. Walau bagaimanapun, dasar pemodenan yang diperkenalkan oleh Deng Xiaoping mendapat tentangan rakyat Tibet, khususnya mereka yang tidak memiliki kepakaran dalam pertanian moden.

Pada tahun 1984, Deng Xiaoping telah membangunkan sektor industri dengan membina kilang-kilang pengeluaran tekstil, kimia, benang wol, kertas,

farmasi dan yang lainnya. Beliau juga membangunkan saluran paip minyak dari Goldmun ke Lhasa, membina Universiti Tibet, hotel, komunikasi, elektrik dan jalan-jalan raya (Goldstein 1989:79). Bagi mempercepatkan modenisasi di Tibet ini, Deng Xiaoping telah memperuntukkan sebanyak 7.9 bilion Yuan bagi pembangunan wilayah tersebut. Perubahan tersebut menjadikan rakyat Tibet tersisih kerana projek-projek yang dilakukan oleh negara China ini lebih menguntungkan bangsa Han yang sengaja dihantar oleh Mao Zedong ke wilayah Tibet untuk mewujudkan pencampuran budaya (Buckley 2006:13). Tindakan tersebut dilakukan kerana bangsa Han memiliki kepakaran dalam modenisasi, manakala rakyat Tibet tidak memiliki kepakaran tersebut. Keadaan ini menyebabkan timbulnya kecemburuhan terhadap bangsa Han yang merupakan etnik pendatang di wilayah Tibet. Selain itu, Deng Xiaoping juga membina 2,600 buah sekolah rendah dan menengah di Tibet bertujuan untuk menyebarkan hegemoni keChinaan dengan memberikan peluang pekerjaan kepada etnik Han sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah tersebut. Oleh itu, agenda modenisasi di Tibet semakin berjaya menanamkan hegemoni keChinaan dengan menguasai seluruh aspek kehidupan rakyat Tibet (Smith 2009:54).

Perubahan yang dilakukan oleh Deng Xiaoping tidak dapat menyelesaikan konflik Tibet-China kerana tentera PLA masih bertindak memberi tekanan kepada rakyat Tibet yang enggan patuh kepada dasar pemerintah China. Bagi meredakan ketegangan ini, Dalai Lama mengirimkan utusannya berbincang dengan pihak Beijing di Hong Kong. Pada tahun 1984, Deng Xiaoping bertemu dengan utusan Dalai Lama, Gyalo Thondup di Hong Kong dan berjanji menyelesaikan semua masalah Tibet termasuklah isu kemerdekaannya. Namun, sebelum membincangkan mengenai kemerdekaan Tibet, Deng meminta Dalai Lama mengutus wakilnya untuk meninjau perkembangan di Tibet yang dikatakan oleh Beijing telah banyak mengalami perubahan dan kemajuan. Antara perubahan yang dimaksud oleh Deng Xiaoping adalah kemajuan industri, pendidikan dan pertanian. Dalam hal ini, Beijing yakin delegasi yang dihantar oleh Dalai Lama akan tertarik dengan pembangunan di Tibet sejak tahun 1959 (Buckley 2006:21).

Utusan Dalai Lama ke Tibet pada tahun 1984 mendapati keadaan di Tibet masih belum stabil kerana tentera PLA masih mengawal wilayah tersebut. Pada masa yang sama juga jumlah etnik Han semakin meningkat di Tibet kerana kerajaan China menambah bilangannya dalam projek-projek modenisasi. Projek landasan kereta api Lhsa-Beijing yang telah siap dibina dan lebuh raya Tibet yang menghubungkan Tibet-Qinghai, Tibet-Sichuan, Tibet-Xinjiang sepanjang 21,500 kilometer menjadi faktor utama yang memudahkan etnik Han memasuki Tibet (Buckley 2006:32). Utusan Dalai Lama menilai kedaan tersebut sebagai tidak kondusif baginya untuk kembali ke Tibet. Oleh itu, Dalai Lama telah meminta Deng Xiaoping untuk menghantar pasukan penyelidik ke Tibet bagi mengkaji semula kemajuan dan pembangunan di Tibet. Hasilnya,

Deng membentuk pasukan penyelidik yang dipimpin oleh Hu Yaobang (yang kemudian menjadi Setiausaha Agung Parti Komunis). Hasil tindakannya Hu Yaobang mendapat, Parti Komunis China gagal memberi perlindungan terhadap rakyat Tibet kerana tindakan tentera PLA yang menggunakan keadaan kekerasan ke atas rakyat Tibet dan dominasi oleh etnik Han dalam jawatan-jawatan penting dalam pemerintahan Tibet (Buckley 2006:38). Maka, Hu Yaobang mencadangkan Tibet perlu diberikan hak autonomi untuk memerintah dan sebahagian subsidi negara mesti diberikan kepada rakyat Tibet untuk membangunkan pertanian di wilayah tersebut.

Namun, cadangan Hu Yaobang tersebut ditolak oleh Deng Xiaoping kerana beliau masih meneruskan sistem ekonomi sosialis Mao yang meletakkan ideologi keutamaan pemerintahannya. Justeru itu, Deng melihat peranan negara dan pemerintah harus dominan dalam sistem ekonomi untuk menjaga kesatuan negara. Selain itu, Deng berkeras ingin mengekalkan kehadiran tentera PLA di Tibet untuk menjaga kesatuan Republik Rakyat China. Beliau hanya bertindak melonggarkan dasar keagamaan seperti membaik pulih tempat beribadat dan membenarkan penduduk Tibet mengamalkan acara keagamaan di kediaman mereka sahaja. Dasar ini sebenarnya bertujuan untuk meredakan kebangkitan rakyat Tibet dan bukannya untuk tunduk kepada pemimpin pembangkang Tibet (Bramal 2008:39). Pada tahun 1985, Deng Xiaoping bertindak drastik membawa masuk 3000 etnik Han ke Tibet untuk membangunkan lebih banyak lagi potensi pelaburan di wilayah berkenaan (Smith 2008:67). Walau bagaimanapun, dasar yang dilaksanakan oleh Deng Xiaoping ini hanya memberi kelebihan kepada bangsa Han sehingga menyebabkan jurang pendapatan kedua-dua etnik menjadi semakin luas. Keadaan ini menyebabkan Dalai Lama meningkatkan kempen bagi menuntut hak untuk kemerdekaan Tibet daripada China dan bukan hanya melakukan pemisahan entiti sahaja.

Hasilnya perjuangan Dalai Lama untuk menuntut kemerdekaan Tibet mula mendapat dari antarabangsa, khususnya Amerika Syarikat apabila negara tersebut mengundang Dalai Lama untuk melakukan pertemuan dengan Dewan Perwakilan Amerika bagi membincangkan masalah Tibet. Dalam pertemuan tersebut, Dalai Lama menjelaskan pencerobohan China ke Tibet adalah bertentangan dengan undang-undang antarabangsa kerana wilayah itu merupakan sebuah negara yang merdeka dan mengetengahkan lima perkara penting yang perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah Tibet. Pertama, negara China perlu menarik balik semua tenteranya dari wilayah tersebut. Kedua, menamatkan perpindahan masyarakat Han ke Tibet kerana mengancam kewujudan masyarakat Tibet. Ketiga, menjaga persekitaran semula jadi dan membebaskan orang Tibet dari diperalatkan untuk terlibat dalam proses pengeluaran nuklear China. Keempat, menghormati hak-hak asasi manusia masyarakat Tibet dan memberikan kebebasan demokrasi. Kelima, menjalankan rundingan bagi masa depan Tibet dan pada masa yang sama mengekalkan hubungan orang-orang Tibet dengan orang-orang China

(Fischer 2005:101).

Walau bagaimanapun, China tidak mengendahkan lima tuntutan Dalai Lama tersebut kerana menganggap beliau berkempen untuk menyerang China dengan bantuan masyarakat antarabangsa. Selain itu, China juga melihat tindakan Amerika Syarikat mengundang kehadiran Dalai Lama ke Washington sebagai salah satu tindakan campur tangan terhadap masalah dalamannya (Fischer 2005:108). Perjuangan menuntut kemerdekaan Tibet menyebabkan rakyatnya melakukan pemberontakan bermula di antara tahun 1987 sehingga 1989. Ketika pemberontakan pertama berlaku pada 27 September 1987 di Lhasa, seramai 200 orang sami dari Drepung dan 300 rakyat Tibet telah mengadakan perarakan memasuki bandar Lhasa. Perarakan tersebut bertujuan menyokong tindakan Dalai Lama melaporkan tindakan penindasan yang dilakukan oleh China kepada Dewan Perwakilan Amerika Syarikat. Namun, tunjuk perasaan tersebut berakhir dengan berlakunya rusuhan di bandar Lhasa sehingga mengakibatkan seorang sami dan dua orang rakyat Tibet terbunuh di hadapan Kuil Jokhan (Laird 2006:121).

Peristiwa pemberontakan kedua berlaku di Lhasa pada 1 Oktober 1987 akibat perasaan tidak puas hati penduduk Tibet terhadap kawalan ketat yang dikenakan kepada sami-sami Budha. Dalam insiden ini seramai 200 orang peserta perhimpunan telah bertempur dengan pihak polis menyebabkan seramai 60 orang penentang ditangkap. Tindakan kekerasan oleh tentera China tersebut berlaku kerana pemerintah merasakan mereka telah dikhianati setelah memberikan kemudahan dan kemajuan untuk wilayah Tibet. Pemerintah China menjelaskan pemberontakan yang dilakukan oleh rakyat Tibet adalah disebabkan oleh hasutan Dalai Lama untuk kepentingan politiknya. Dalam hal ini Smith (2010: 89) menulis: *“The issue of Tibet was thus a separatist issue, an attempt by the Dalai Lama to re-create his feudal domain in Tibet, ... his vows of abstinence, betraying his ancestors, bringing disaster to Tibet, and bringing chaos to religion.”* Rusuhan pada bulan Oktober tersebut dilaporkan sebagai peristiwa terburuk kerana sami dari Biara Sera yang memimpin tunjuk perasaan tersebut telah dibunuh dengan kejam oleh tentera China.

Tindakan kekerasan pemerintah China tersebut menjadikan rakyat Tibet perlu akur terhadap hegemoni China untuk keselamatan mereka. Ini sesuai dengan konsep hegemoni Gramsci (1971) yang menyatakan fungsi utama hegemoni adalah mengabsahkan kuasa untuk mengekalkan status quo. Oleh itu, untuk menjadi hegemoni China mencapai matlamatnya, maka tindakan kekerasan adalah kaedah yang terbaik untuk menjamin Tibet kekal dalam wilayah pentadbiran China. Tindakan yang sama juga digunakan oleh Presiden Soeharto di Indonesia yang menggunakan kekuasaan Tentera Nasional Indonesia bagi memastikan hegemoni Orde Baru menyebar ke seluruh rakyat Indonesia. Sekiranya terdapat rakyat yang menentang kekuasaan Orde Baru, maka mereka akan dikenakan tindakan kekerasan oleh tentera. Tindakan kejam ini berlaku ketika wilayah Aceh menuntut kemerdekaan

dari Indonesia apabila satu juta rakyat Aceh terkorban dalam konflik tersebut (Laird 2006:126).

Tindakan kekerasan yang selalu dipraktikkan oleh pemerintah ini merupakan kaedah biasa bagi menanamkan hegemoni mereka terhadap mangsa penindasan. Penggunaan tentera merupakan tindakan yang paling berkesan bagi melaksanakan hegemoni tersebut dalam kes Tibet. Pada tahun 1987 tentera bertindak PLA mengepung Jokhang Cathederal di Lhasa sehingga menyebabkan 20 orang rakyat Tibet terbunuh. Tindakan kekerasan seperti ini bertujuan untuk menjayakan agenda modenisasi Deng Xiaoping dalam sektor pertanian, industri, pertahanan nasional dan teknologi. Bagi Deng Xiaoping:

*We oppose the old society and the old system because they oppressed the people and fettered the productive forces. The modernization does represent a great new revolution. The aim of our revolution is to liberate and expand the productive forces. Without expanding the productive forces, making our country prosperous and powerful, and improving the living standards of the people, our revolution is just empty talk (Dlm Jeffries 2010:36).*

Berdasarkan huraian di atas, Deng Xiaoping cuba menjalankan proses hegemoni keChinaan terhadap rakyat Tibet dengan memfokuskan kepada modenisasi, dan pembangunan dengan kaedah paksaan. Gramsci (1971) menjelaskan hegemoni tidak hanya berpusat kepada faktor ekonomi yang menguntungkan kelas tertentu sahaja, tetapi lebih menekankan ideologi yang digunakan dalam tindakan paksaan tersebut. Perbincangan di atas menjelaskan, meskipun pada awalnya Deng Xiaoping memberi harapan baru melalui penggubalan dasar ekonomi untuk memajukan Tibet, namun tindakan tersebut tidak berjaya menyelesaikan konflik Tibet-China. Ini kerana Deng juga meneruskan agenda hegemoni keChinaannya dengan memperalatkan tentera PLA bagi memaksa rakyat Tibet menerima hegemoni China.

### **Dasar Pembangunan Jiang Zemin (1989-2003)**

Dominasi negara China ke atas Tibet tidak berakhir apabila Deng Xiaoping bersara dari politik, sebaliknya berlanjut sehingga era kepemimpinan Jiang Zemin.<sup>1</sup> Pada tahun 1989 keadaan politik di China tegang dengan tercetusnya tunjuk perasaan oleh mahasiswa di Dataran Tiananmen. Tunjuk perasaan ini berpunca daripada kematian Hu Yaobang (Setiausaha Parti Komunis China) yang meletakkan jawatannya. Peletakan jawatan Hu Yaobang kerana beliau merupakan individu yang berfikiran liberal dan tidak sealiran dengan fahaman sosialise Mao (Zhang Liang 2001:18). Kematian Hu Yaobang ini dilihat oleh mahasiswa-mahasiswa sebagai sebuah konspirasi politik kerana berlaku

secara mengejut setelah beliau meletakkan jawatannya. Oleh itu, mahasiswa bertindak menganjurkan tunjuk perasaan terhadap kerajaan sehingga muncul satu protes yang meluas dan turut disertai oleh kelompok pekerja.

Dalam tunjuk perasaan tersebut, mahasiswa mendesak kerajaan bertemu dengan pemimpin mereka untuk mencari jalan penyelesaian, namun desakan itu ditolak oleh pemerintah. Keadaan ini mencetuskan kebangkitan mahasiswa dan kerajaan melihat tindakan mahasiswa sebagai ancaman terhadap kestabilan negara. Oleh itu, Deng Xiaoping mengumumkan undang-undang darurat dan mengarahkan tentera PLA untuk menamatkan demonstrasi mahasiswa yang berlaku di dataran Tiananmen. Tunjuk perasaan ini berjaya ditamatkan oleh kerajaan China dan menyebabkan tujuh ribu nyawa terkorban (Yiu-Chung 2005:58). Selepas tragedi Tiananmen ini, Deng Xiaoping meletakkan jawatannya dan menyerahkan kuasa kepada Jiang Zemin.

Di bawah kepimpinan Jiang Zemin, amalan hegemoni China ditumpukan terhadap dasar pembangunan sebagai alat baru untuk menyebarkan dominasi China ke atas Tibet. Pendekatan tersebut merupakan lanjutan daripada dasar pemodenan Deng Xiaoping yang mahukan Tibet menjadi wilayah yang maju. Jiang Zemin menumpukan dasar pembangunan kepada perluasan wilayah Tibet bagi memastikan wilayah tersebut terdedah kepada dunia luar. Misalnya keluasan bandar Lhasa telah bertambah dari 3 km<sup>2</sup> dengan jumlah penduduk seramai 30,000 pada tahun 1949 kepada keluasan 42 km<sup>2</sup> dengan jumlah penduduknya mencecah 200,000 orang pada tahun 1980. Pada tahun 2001, pentadbiran Jiang telah merancang untuk memperluaskan Lhasa menjadi 53 km<sup>2</sup> persegi dengan dihuni oleh 400,000 penduduk. Dasar perluasaan bandar tidak pernah dilakukan pada era Deng Xiaoping kerana beliau lebih menumpukan kepada dasar modenisasi dan pembangunan industri di Tibet. Bagi Jiang Zemin, dasar perluasan bandar perlu dijalankan untuk memberikan tempat kepada rakyat China yang ingin membuka perniagaan di Tibet (Whyte 2007:286).

Di bawah kepimpinan Jiang Zemin, dasar reformasinya menggunakan tiga pendekatan utama, iaitu *conception patriotism, the communist party's role and building of a socialist market economy in China* (Wo-Lap Lam & Luk Luh 1999:97). Dasar yang dilaksanakan oleh Jiang Zemin tersebut merupakan agenda berterusan dasar Mao Zedong dan Deng Xiaoping yang ingin menjadikan China sebagai sebuah negara kuasa ekonomi dunia. Selain itu, dasar ini juga bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di wilayah Tibet yang merupakan salah sebuah wilayah termiskin di China. Walaupun dasar ini memiliki tujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Tibet, namun statistik kadar pendapatan rakyat Tibet tidak menunjukkan peningkatan jika dibandingkan dengan wilayah-wilayah lain. Indeks Pembangunan Manusia menunjukkan Tibet berada pada kedudukan terakhir daripada 31 wilayah di China iaitu kedudukan di bawah wilayah Guizhou, Gansu, Yunan, Qinghai, Anhui, Jiangxi, Sichuan, Ningxia, Shaanxi, Xinjiang dan Guangxi.

Selain itu, kerajaan China juga meminggirkan rakyat Tibet dengan membawa masuk etnik Han untuk menguasai ekonomi di wilayah berkenaan. Semenjak tahun 1980, kemasukan etnik Han ke Tibet adalah seramai 120,000 dengan 15,000 daripada datang sebagai peniaga. Pada tahun 1990-2000, etnik Han mencapai 32 peratus di bumi Tibet dan pada tahun 2000 etnik Han telah menguasai hampir kesemua bidang ekonomi di Tibet. Etnik Han juga terlibat dalam bidang perubatan, menjawat jawatan sebagai pensyarah dan peniaga yang berjaya. Penguasaan ekonomi dan pentadbiran kerajaan oleh etnik Han di Tibet telah menjadikan mereka sebagai golongan elit yang berkuasa dengan memiliki kemewahan, bahkan mereka melakukan tindakan diskriminasi terhadap penduduk asal Tibet (Whyte 2010:300).

Usaha kerajaan China menyebarkan hegemoninya ke Tibet melalui migrasi etnik Han ini meminggirkan rakyat Tibet dan menghancurkan simbol-simbol keagamaan dan tradisi ekonomi Tibet. Selain itu, Jiang Zemin juga memperluaskan kawasan-kawasan bandar di Tibet dengan merampas tanah dan tapak perumahan rakyat Tibet. Tujuannya ialah untuk membangunkan kawasan perumahan baru bagi etnik Han yang bekerja di Tibet. Bagi menjayakan dasar ini rumah-rumah milik penduduk Tibet khususnya di kawasan Lhasa, Shol dan Barkhor dirobohkan dengan alasan membina perumahan baru. semenjak dasar perluasan bandar diperkenalkan, sebanyak 728 buah rumah rakyat Tibet di Lhasa, 479 rumah di Shol dan 335 rumah di Barkhor telah dimusnahkan. Dasar ini mengakibatkan rakyat Tibet kehilangan tempat tinggal kerana rumah-rumah yang dibina semula sebanyak 1000 unit diberikan kepada etnik Han dan hanya 300 unit rumah sahaja diberikan kepada rakyat Tibet yang tanah dan rumah mereka dirampas. Keadaan ini menyebabkan rakyat Tibet hidup dalam kesengsaraan dan kemiskinan. Dasar kerajaan China tersebut mendapat tentangan yang kuat oleh rakyat Tibet, namun pemberontakan ini berjaya dipatahkan oleh tentera PLA yang berada di Tibet (Gungwu & Yongnian 2004:120).

Selain itu, Jiang juga mengumumkan pelaksanaan dasar pengawalan kelahiran anak di seluruh Tibet pada tahun 1991. Melalui dasar ini, setiap keluarga hanya dibenarkan melahirkan seorang anak sahaja dan keluarga yang memiliki lebih daripada seorang anak dipaksa membayar cukai yang tinggi serta dikenakan hukuman denda (Lawrence 2005:47). Selain itu, wanita-wanita Tibet yang mengandung lebih daripada seorang anak akan dipaksa menggugurkan kandungan mereka. Malah, terdapat beberapa buah hospital di Tibet bertindak memandulkan wanita sejurus selepas mereka melahirkan anak pertama tanpa mendapat sebarang persetujuan (Lawrence 1995: 47). Tindakan kerajaan China ini dianggap amat kejam dan telah mencabuli hak wanita Tibet.<sup>2</sup>

Walaupun tindakan kerajaan China adalah kejam, namun rakyat Tibet tidak dapat melakukan penentangan terhadap pemerintah kerana mereka akan menghadapi hukuman yang keras. Jiang Zemin menyatakan tindakan ini terpaksa dilakukan demi kestabilan politik bagi membolehkan kerajaan

melaksanakan agenda reformasi yang diperkenalkan oleh Deng Xiaoping. Menurut Jiang Zemin:

*Work in Tibet proved that we must persevere in stabilisation and secure the unification of our country. Economic construction is the fundamental thing and by speeding up economic development, we must promote a long term stability and social improvement. We must persist in the people's democratic dictatorship, and puncture separatist activities and other crimes in respect to the law with great determination. We must be firm and unshakable to enhance the Party's leadership as the force at the core leading our cause forward, and persist with the two inseparable principles....We must firmly rely on the peasants, herdsmen, workers, intellectuals and the vast masses of the people, including other working people. On this basis we must let the patriotic personage of different walks of life and nationalities play their positive role to build a united, prosperous and civilised socialist new Tibet (Dlm. Naughton 2007: 98)*

Pada tahun 1992 Jiang Zemin melakukan kunjungan ke Tibet dan menyatakan kemunduran Tibet adalah berpunca daripada sikap rakyatnya yang selalu menentang kerajaan China. Kenyataan Jiang Zemin tersebut merujuk kepada tindakan rakyat Tibet yang menuntut kemerdekaan dari China sehingga menyebabkan mereka terlupa untuk memperjuangkan taraf ekonomi mereka. Menurutnya lagi, penglibatan sami Buddha yang menyokong tindakan rakyat Tibet melakukan pemberontakan telah merencatkan ekonomi mereka sendiri kerana rakyat Tibet tidak mahu terlibat dalam pembangunan dan ekonomi (Hung-Mao Tien & Yun-Han Chu 2000:57).

Justeru itu, bagi membangunkan ekonomi Tibet, Jiang Zemin membangunkan zon perdagangan Tibet, membina pelabuhan Tibet Burang, membuka perdagangan sempadan Yamarong yang telah digantung selama 33 tahun, mewujudkan jabatan pelaburan luar negara dan membuka zon pembangunan ekonomi orientasi eksport di 10 kawasan pelabuhan di sempadan Tibet. Selain itu, beliau juga membangunkan kemudahan tenaga elektrik, pengangkutan dan teknologi komunikasi (Evans 1994:78). Di Lhasa, jalan-jalan utama seperti Linguo Road, Beijing Road, Linzhu dan Nulled Road menjadi semakin sibuk dengan aktiviti perdagangan, perniagaan pakaian dan pembinaan restoran-restoran mewah dan hotel. Menurut Heilmann (2008:8-10), dari tempoh Jun-Julai tahun 1994 sahaja, lebih 500 industri individu dan syarikat usahawan telah ditubuhkan, iaitu peningkatan hampir 10 peratus dalam pendapatan bulanan.

Ekoran pembangunan pesat ini, wilayah Tibet telah berubah daripada sebuah wilayah yang mundur menjadi wilayah baru ekonomi. Reformasi ekonomi di Tibet membolehkan rakyatnya bersaing dengan etnik Han untuk

memperoleh kekayaan sehingga melupakan perjuangan kemerdekaan rakyat Tibet. Sebelum ini, taraf kehidupan rakyat Tibet berada pada paras kemiskinan tegar, petani dan penternak di Tibet tidak memiliki kepakaran dalam bidang yang mereka ceburi melainkan hidup dengan berhutang. Namun, semenjak tahun 1980 pendapatan bersih per kapita petani dan penternak di Tibet meningkat pada kadar purata 7.5 peratus setahun, iaitu mencapai 3,174 Yuan pada tahun 1995. Kejayaan ini disebabkan tindakan kerajaan China yang berjaya menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di Tibet dalam bentuk aset tetap. Pada tahun 1990, jumlah pelaburan di Tibet adalah sebanyak 6 bilion yuan dan pada tahun 1997 meningkat menjadi 27 billion yuan. Oleh itu, perkembangan ekonomi di China merupakan perkembangan ekonomi yang mengagumkan. Wang (2010:201) menjelaskan:

*The rise of China as an economic superpower is one of the most dramatic developments in the history of capitalism. The transformation of the country from a closed planning economy to a dynamic capitalist society in the past 30 years can be broadly attributed to the changes in three broad inter-related areas: institutional reforms (especially at the level of governments), organizational innovations (especially the emergence of various private and hybrid management organizations), and foreign investment (especially the huge influx of FDI).*

Pada masa yang sama, kerajaan China di Tibet juga telah memperkenalkan pembangunan pasaran, pembangunan harta tanah dan modal. Urusniaga dalam sektor perkayuan dan pasaran buah-buahan meningkat (Carlson 2004:80). Selain itu, bagi memikat hati rakyat Tibet, pada tahun 2000 Jiang Zemin meluluskan penggunaan bahasa Tibet sebagai bahasa rasmi di negara tersebut. Pengumuman tersebut dilakukan setelah 50 tahun bahasa tersebut diharamkan oleh kerajaan China untuk digunakan dalam urusan rasmi dan pendidikan (Norbu 2001:85). Dasar ini kemudiannya berjaya memberikan respon yang baik bagi rakyat Tibet apabila perlakunya tindakan penyerahan senjata oleh sebahagian pejuang Tibet di Lhasa. Meskipun begitu, etnik Tibet masih terus menderita dan ditindas di tanah air mereka. Masih terdapat ramai rakyat Tibet yang masih hidup di bawah garis kemiskinan yang hanya bergantung kepada peluang pertanian dan penternakan sahaja.

Dalam konteks pemerintahan, jawatan-jawatan penting kerajaan masih dikhurasukan kepada etnik Han dan menurut perangkaan, terdapat 74 peratus pegawai kerajaan di Tibet Autonomous Region (TAR) merupakan etnik Han, manakala etnik Tibet hanya memegang jawatan pegawai tadbir rendah sahaja (Smith 2009:168). Selain itu, institusi keagamaan terus dikawal oleh kerajaan China, sedangkan rakyat Tibet mendapat pendidikan awal daripada institusi keagamaan (Lal 2008:23). Keadaan ini menunjukkan, meskipun Jiang Zemin berjaya memajukan ekonomi Tibet, namun kemajuan tersebut hanya

menguntungkan etnik Han sahaja. Oleh itu, pengaruh China dilihat semakin kuat di Tibet dan hegemoni China semakin tersebar luas di wilayah Tibet. Bagi rakyat Tibet yang masih menetap di Lhasa dan bandar-bandar yang lain, mereka telah diasimilasikan dengan budaya masyarakat China melalui pengharaman budaya dan adat resam Tibet.

Perbincangan di atas menunjukkan pemerintah China di Tibet pada zaman pemerintahan Jiang Zemin hanya sekadar meneruskan dasar pemerintah sebelumnya sahaja. Walaupun terdapat agenda reformasi, namun rakyat Tibet tetap dipinggirkan dalam pelbagai aspek. Rakyat Tibet tidak dapat melakukan penentangan terhadap China kerana kekuatan dan kuasa yang dimiliki oleh negara tersebut adalah amat hegemonik. Hal inilah yang menyebabkan rakyat Tibet melakukan pemberontakan yang berakhir dengan tindakan kekerasan oleh kerajaan China ke atas rakyat Tibet.

### Krisis China-Tibet Era Pemerintahan Hu Jin Tao

Selepas peralihan kuasa daripada Jiang Zemin kepada Hu Jintao, rakyat Tibet meletakkan harapan kepada kerajaan pimpinan baru untuk mewujudkan kestabilan politik dan membentuk hubungan yang harmoni antara semua etnik di Tibet. Setelah dilantik pada tahun 2003, Hu Jintao telah menganjurkan dialog dengan wakil Dalai Lama dan akhirnya berjaya menghasilkan kesepakatan bersama apabila Kertas Putih dirangka bagi memberi pemerintahan autonomi kepada Tibet. Pada tahun yang sama, beliau turut memperkenalkan dasar baru bagi menggubal undang-undang yang lebih keras terhadap mereka yang menentang pemerintahan Parti Komunis China. Namun, penguatkuasaan undang-undang tersebut telah menyebabkan berlakunya penindasan terhadap kebebasan berkumpul, berorganisasi dan kebebasan beragama di negara China (Smith 2009:100). Pihak pemerintah bertindak menahan dan memenjarakan individu-individu yang disyaki mengancam keselamatan negara atau kestabilan sosial masyarakat China. Mereka yang ditangkap ini kemudiannya dibicarkan tanpa melalui sistem kehakiman yang adil, disiksa dan kemudiannya di penjara. Selain itu, 90 peratus daripada penjara di Tibet adalah dihuni oleh para sami (*monks*) dan biarawati (*nuns*) (Smith 2009:103). Kebanyakan tahanan merupakan mereka yang dianggap setia kepada Dalai Lama dan masih menyimpan gambar Dalai Lama secara tersembunyi keraan takut kepada tindakan tentera. Tindakan menyembunyikan gambar Dalai lama adalah kerana Beijing melarang sebarang bentuk imej Dalai Lama dipamerkan (Sautman & Dreyer 2006:87).

Keadaan ini masih berlarutan sehingga pada tahun 2004 apabila pentadbiran Hu Jintao menubuhkan Democratic Management Committee (DMC), iaitu sebuah jawatankuasa pengurusan untuk mengurus masalah-masalah keagamaan. Sistem ini bertujuan untuk mengawasi, mencari, membersihkan dan mengintip di tempat-tempat ibadat untuk mengawal

masalah-masalah berkaitan keagamaan. Selain itu, tujuan penubuhan DMC adalah untuk menggantikan sistem kepimpinan agama Buddha dengan sistem kepimpinan agama menurut pemikiran China. Tindakan ini dilakukan supaya para sami dan biarawati mentaati Parti Komunis dan menentang Dalai Lama. Organisasi ini juga digunakan untuk melaksanakan dasar-dasar parti dengan menjalankan kempen pendidikan patriotik, di mana para sami dan biarawati diwajibkan mengikuti kursus politik supaya setia kepada negara. Di samping itu, DMC juga menyusup kelas-kelas pendidikan agama di Tibet untuk melancarkan propaganda terhadap pemerintahan Tibet di luar negara dan menggubal peraturan pendidikan baru berkaitan dengan institusi keagamaan di Tibet. Individu-individu yang tidak mematuhi sistem ini dilabel sebagai pengkhianat negara, ditahan oleh tentera dan dijatuhi hukuman penjara (Sautman & Dreyer 2006:89).

Oleh itu, kerajaan China menetapkan keputusan bahawa setiap biara diletakkan di bawah kawalan dan pengawasan DMC. Tindakan ini bertujuan untuk memastikan para sami dan biarawati taat kepada peraturan-peraturan agama yang dibuat oleh pemerintah dan meningkatkan lagi rasa nasionalis terhadap China. Sekiranya terdapat sami dan biarawati yang melanggar peraturan yang digubal oleh DMC dan RRA ini, mereka akan dikenakan tindakan oleh kerajaan China. Misalnya, menurut laporan yang dinyatakan oleh Congressional-Executive Commission on China (CECC), lebih 60 peratus penghuni penjara di wilayah Sichuan terdiri dalam kalangan sami dan biarawati. Selain itu, kerajaan China sentiasa berusaha untuk memperalatkan sami-sami dan biarawati untuk menyebarkan fahaman komunis dan legitimasi kuasa China di Tibet. Oleh itu, kerajaan China sengaja menempatkan anggota-anggota DMC untuk mengawal seluruh aktiviti di biara dan sami Buddha bagi mengukuhkan hegemoni China.

Pada tahun 2005, rundingan telah diadakan antara pemerintah agama dan pemimpin China di Bern, Switzerland. Tujuan rundingan tersebut ialah untuk mencari persefakan bagi menyelesaikan masalah Tibet. Pada tahun 2005, kerajaan China sekali lagi memperkenalkan dasar baru mengenai hal ehwal agama yang dikenali sebagai Regulation on Religious Affairs (RRA). Tujuan penggubalan RRA ini ialah untuk mengukuhkan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti keagamaan khususnya di kawasan-kawasan yang dihuni oleh masyarakat minoriti Tibet. Seperti dasar-dasar sebelumnya, peranan utama RRA ini adalah untuk menyekat pengajaran agama di tempat-tempat ibadat di Tibet, melumpuhkan penyebaran agama Buddha oleh para pendeta dan orang-orang awam, dan memisahkan antara para pendeta dengan masyarakat. Dasar ini akhirnya berjaya mengurangkan hubungan di antara sami-sami dengan masyarakat dan seterusnya membentuk masyarakat yang sekular. Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh kerajaan China tersebut bertepatan dengan hujah Gramsci (1971:244) tentang dominasi ke atas kelompok yang diperintah:

*The entire complex of practical and theoretical activities with which the ruling class not only justifies and maintains its dominance, but manages to win the active consent of those over whom it rules.*

Penggubalan dasar RRA ini ialah untuk mengukuhkan dan mempertahankan hegemoni yang dikenakan oleh negara China. Namun pelaksanaan dasar ini kemudiannya telah ditentang oleh kebanyakan rakyat Tibet dan para sami Budha secara terang-terangan membantah dengan membakar diri beramai-beramai. Tindakan tersebut menyebabkan kerajaan China mengetarkan dasar RRA di wilayah tersebut sebagai langkah utama untuk menyemai hegemoni ke Chinaan di Tibet. Kerajaan China telah mewajibkan sami-sami untuk melaporkan diri kepada pegawai-pegawai kerajaan China yang telah ditempatkan di setiap biara di Tibet. Akhirnya, dasar yang semakin menekang kebebasan beragama rakyat wilayah ini telah berjaya melemahkan kekuatan pemberontak di Tibet (Tuttle 2007:91).

Semasa pemerintahan Hu Jintao, kerajaan menahan individu-individu yang enggan mematuhi dasarnya dan pada tahun 2004 sahaja, seramai 300 sami Buddha telah ditahan oleh kerajaan China. Selain itu, biarawati yang ditahan bukan sahaja telah disiksa, malah dimalukan dengan ditelanjangkan dan dimasukkan ke dalam penjara lelaki. Tindakan kerajaan China ini mendapat kritikan pemerintah Tibet di luar negara dan mendakwa kerajaan pimpinan Hu Jintao melakukan jenayah terhadap penduduk di Tibet (Tuttle 2007:113). Selain menyekat kebebasan beragama di Tibet, kerajaan Hu Jintao juga melakukan langkah diskriminasi terhadap rakyat di wilayah terbabit dalam konteks pembangunan. Tindakan diskriminasi ini dapat dilihat dalam Rancangan Kesepuluh China untuk Tibet dari 2001-2005 dan perancangan Western Development Program. Satu lagi tindakan kerajaan China yang mendiskriminasikan wilayah Tibet ialah dari segi kutipan hasil pembalakan. Penerokaan hutan secara besar-besaran oleh kerajaan China menggunakan jentera moden telah menjelaskan sumber pendapatan sesetengah rakyat Tibet yang bergantung hidup pada sumber hutan sebagai mata pencarian mereka seperti herba, cendawan, akar kayu dan sebagainya. Ini kerana lesen untuk mengutip hasil hutan tidak diberikan kepada rakyat Tibet, sebaliknya diberikan kepada etnik Han yang menerokanya secara berleluasa hingga menjelaskan ekologi dan alam sekitar.

Tindakan negara China memusnahkan sumber alam di wilayah Tibet dengan memberikan lesen kepada peneroka etnik Han menyebabkan glasier menjadi cair seterusnya menyebabkan hakisan terhadap padang rumput. Sungai-sungai yang berasal daripada glasier terbentuk dan berpotensi untuk menjadi kering akibat dari penerokaan alam yang tidak terkawal. Pembukaan projek-projek pembangunan ini juga menyebabkan penternak-penternak hilang kawasan padang ragut untuk ternakan mereka dan terpaksa menempatkan ternakan di kawasan yang tidak mempunyai banyak rumput. Oleh itu, para

penternak Tibet menentang dasar pembangunan tersebut dengan menuntut kerajaan China menghentikan segera tindakan yang merugikan mereka (Tuttle 2007:99). Walaupun rakyat Tibet menentang dasar kerajaan China tersebut, namun mereka tidak mampu menamatkan aktiviti penerokaan dan pembangunan di Tibet yang didominasi oleh etnik Han. Menurut Gramsci (1971), hegemoni berfungsi melalui tindakan sekumpulan individu yang memiliki keunggulan menguasai ekonomi dan pasti melaksanakan unsur-unsur dominasi dan monopolii. Oleh itu, golongan yang didominasi perlu patuh terhadap keputusan golongan yang mendominasi.

Bagi mengukuhkan lagi hegemoni China ke atas Tibet, Hu Jintao telah menghentikan aktiviti di kawasan yang memusnahkan padang ragut dan mengakibatkan hakisan tanah yang dilihat telah menyusahkan rakyat Tibet. Terdapat dua juta kaum nomad yang tinggal di Tibet bergantung hidup daripada hasil ternakan biri-biri dan yak telah terjejas pendapatan mereka. Malah kehidupan mereka telah berubah dengan sebahagiannya terpaksa menjadi pengemis dan peminta sedekah di bandar-bandar (Smith 2008:189). Keadaan ini terjadi kerana penternak-penternak tidak lagi dapat menyara keluarga mereka dari hasil aktiviti penternakan yang mereka jalankan selama ini. Selain itu, haiwan ternakan mereka juga telah dirampas secara paksa oleh kerajaan China tanpa diberikan sebarang pampasan yang setimpal. Keadaan ini menyebabkan kehidupan rakyat Tibet khususnya penternak semakin terdesak di tanah air mereka sendiri dan tindakan kerajaan tersebut dilakukan bagi menguatkan hegemoni kerajaan China ke atas rakyat Tibet. Tindakan kerajaan Hu Jintao terhadap penternak-penternak di Tibet adalah kerana beliau ingin melemahkan kehidupan rakyat di wilayah tersebut. Pengalamannya selama lima tahun sebagai Ketua Kawasan Autonomi Tibet dari tahun 1988-1993 dapat memudahkan lagi rancangan kerajaan China untuk menguasai Tibet.

Pengetahuan Hu Jintao tentang latar belakang Tibet ini memberikannya peluang untuk menyatukan semua wilayah dan memastikan nasionalisme di China tumbuh dan berkembang di Tibet. Penguasaan kerajaan Hu Jintao di Tibet yang semakin kuat ini menyebabkan proses hegemoni semakin mudah untuk disebarluaskan. Modernisasi dan kemajuan teknologi di Tibet menyebabkan budaya yang diamalkan sejak turun temurun semakin terhakis apabila bermulanya pencampuran budaya dan masuknya pelancong asing di Tibet. Proses hegemoni China ke atas Tibet semakin kuat apabila projek kereta api Bejing-Lhasa dilancarkan oleh Hu Jintao pada tahun 2006. Pelancaran projek kereta api tersebut dilihat memberi kelebihan kepada negara China kerana etnik Han semakin mudah untuk memasuki wilayah Tibet.

Selain itu, pada tahun 2007 kerajaan China telah menguatkuasakan undang-undang hal ehwal agama di seluruh wilayahnya. Berdasarkan undang-undang tersebut, rakyat China tidak dibenarkan untuk mengedarkan buku, gambar atau bahan-bahan lain yang membahayakan perpaduan bangsa dan keselamatan negara. Penguasaan undang-undang ini dilihat sebagai satu usaha untuk

menghalang rakyat Tibet memuji Dalai Lama sebagai pemimpin tertinggi mereka dan mereka juga tidak dibenarkan mempamerkan serta menempatkan gambar Dalai Lama secara terbuka di biara-biara utama di Tibet. Selain itu, penguatkuasaan undang-undang ini juga memberi kesan negatif terhadap kepimpinan Hu Jintao apabila tentera melakukan pemeriksaan dari rumah ke rumah dan sekiranya mendapati melanggar peraturan tersebut mereka akan didakwa di atas tuduhan mewujudkan sentimen pemisah (Tuttle 2007:49).

Tindakan kerajaan China menyekat kebebasan rakyat Tibet ini menimbulkan kemarahan rakyat Tibet. Misalnya sempena memperingati Hari Pemberontakan Tibet yang ke 49 pada 10 Mac 2010, sami-sami Budha menganjurkan tunjuk perasaan di bandar Lhasa untuk menuntut pembebasan sami-sami Budha yang ditahan oleh kerajaan China. Namun, tunjuk perasaan itu kemudiannya bertukar menjadi ganas dengan tindakan membakar dan merampas harta terhadap etnik bukan Tibet. Dalam rusuhan ini, 130 orang rakyat Tibet terbunuh dan ratusan penunjuk perasaan telah ditangkap. Penentangan rakyat Tibet kepada kerajaan China semakin memuncak apabila China menjadi tuan rumah Sukan Olimpik Beijing selepas tragedi 10 Mac 2008. Mengikut Smith (2010:95):

*The people of Tibetan sought to take advantage of China's hosting of the 2008 Olimpics as an opportunity to make trouble and build up momentum internationally, so as to achieve the goal of splitting Tibet from the motherland.*

Penganjuran sukan Olimpik Beijing merupakan peluang terbaik kepada rakyat Tibet untuk melobi sokongan antarabangsa. Misalnya rakyat Tibet di luar negara memanfaatkan peluang terabit untuk melancarkan kempen kemerdekaan Tibet dengan melakukan pelbagai tunjuk perasaan di kedutaan China di luar negara seperti di Amerika Syarikat (Hillebrand 2008:68). Peserta-peserta demonstran juga turut menuntut agar pihak antarabangsa memboikot Sukan Olimpik Beijing dengan alasan China melakukan keganasan perang ke atas wilayah tersebut. Perhimpunan tunjuk perasaan yang dilakukan semasa berlangsungnya Sukan Olimpik Beijing turut dijalankan di Dataran Tiananmen dan disertai seramai 200 penunjuk perasaan bagi mendesak kerajaan China menghormati hak asasi rakyat Tibet. Namun, kerajaan China telah bertindak menahan sebahagian peserta tersebut bagi mengelakkan perhatian di peringkat antarabangsa.

Rentetan daripada perhimpunan tersebut, kedutaan British dan Amerika Syarikat di China telah mengeluarkan amaran kepada kerajaan China untuk membebaskan para aktivis hak asasi manusia yang ditahan. Tindakan kerajaan China ini juga membangkitkan kemarahan sebilangan negara, misalnya Belanda memberi amaran untuk mengheret kerajaan China ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa sekiranya meneruskan tindakan kekerasan

terhadap penunjuk perasaan. Selain itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) turut mempertimbangkan untuk menangguhkan sukan Olimpik Beijing jika keganasan kerajaan China terhadap rakyat Tibet diteruskan (Worden 2011:187).

Walaupun masyarakat antarabangsa melakukan protes terhadap tindakan kerajaan China, namun negara tersebut tidak menunjukkan rasa bimbang terhadap tekanan pihak antarabangsa. Sebaliknya kerajaan China menegaskan bahawa masalah Tibet adalah masalah dalaman China dan Dalai Lama merupakan punca tercetusnya pemberontakan di wilayah tersebut. Tindakan kekerasan kerajaan China ini bersesuaian dengan konsep hegemoni Gramsci (1971) yang menyatakan hegemoni dilindungi oleh pihak berkuasa dengan menjaga dominasinya melalui tindakan paksaan dan berupaya memenangkan persetujuan aktif dari mereka yang dikuasai melalui institusi negara serta tindakan hegemonik penguasa.

Kuatnya dominasi China ke atas Tibet melalui tindakan kekerasan tersebut semakin mengukuhkan legitimasi kerajaan China di Tibet. Walau bagaimanapun, dominasi kerajaan China tersebut sehingga kini masih ditentang oleh rakyat Tibet sama ada rakyatnya yang berada di luar maupun di wilayah terbabit. Pada tahun 2009, perhimpunan tunjuk perasaan di Tibet berubah daripada aman kepada tindakan membakar diri oleh sami Buddha sehingga menyebabkan 19 orang sami terkorban dalam kejadian tersebut (Jeffries 2010:13). Strategi menentang tindakan kekerasan kerajaan China melalui kaedah membakar diri dianggap sebagai pendekatan damai oleh rakyat Tibet untuk menentang dominasi kerajaan China. Walaupun tindakan ini telah mengorbankan ratusan nyawa, namun langkah tersebut tidak mampu membebaskan Tibet dari cengkaman kerajaan China. Sebaliknya, pemerintah China semakin memberi tekanan kepada rakyat Tibet dengan melarang mereka melakukan aktiviti kebudayaan. Misalnya, lagu-lagu rakyat Tibet diharamkan untuk disiar di China untuk menjaga kestabilan negara, malah kerajaan China turut melakukan sekatan terhadap lagu-lagu perjuangan Tibet di internet.

Tindakan kerajaan China menggunakan kekuatannya untuk menghegemonikan Tibet disebabkan negara tersebut mahukan nasionalisme China diamalkan oleh semua rakyat China. Nasionalisme China yang dimaksudkan itu adalah patuh pada ajaran Konfusius dan menolak ajaran agama di Tibet yang meletakkan Dalai Lama sebagai pemimpin utama mereka. Kerajaan China amat mendokong ajaran Konfusius kerana fahaman tersebut menggalakkan masyarakat untuk menjadi satu kelompok *commune*, ideologi yang amat sesuai dengan dasar sosialis China. Bagi kerajaan China, dasar ekonomi sosialis adalah asas kejayaan untuk membangunkan ekonomi negara menjadi sebuah bangsa yang kuat dan maju. Walau bagaimanapun, pembangunan ekonomi yang dibanggakan oleh kerajaan China itu tidak memberi sebarang makna kepada rakyat Tibet kerana kemajuan ekonomi di wilayah itu tidak bersesuaian dengan kemajuan ekonomi etnik Tibet sendiri.

Rakyat Tibet masih ketinggalan dalam segala aspek berbanding dengan etnik Han yang menguasai setiap aspek kehidupan termasuklah perniagaan dan pemerintahan.

Walaupun pergolakan masih berlaku di Tibet, namun kerajaan China tidak mempedulikan tuntutan mereka, malah Hu Jintao menegaskan bahawa individu yang menentang kerajaan China merupakan pengganas dan perlu ditangani dengan kaedah kekerasan (Adam Yuet Chau 2011: 72). Penentangan yang meningkat oleh rakyat Tibet akhirnya mendesak Hu Jintao mengarahkan Tentera Merah China untuk menahan sami-sami Budhha yang didakwa bertindak sebagai penghasut dalam kalangan rakyat. Seramai 300 sami Buddha telah ditahan oleh Tentera Merah China dan kemudiannya diwajibkan untuk menyertai kursus patriotik China bertujuan untuk menghakis ketaatan mereka terhadap Dalai Lama. Tindakan inilah yang dilakukan oleh Hu Jintao untuk menyebarkan hegemoni China dan memaksa penentang untuk akur kepada kerajaan China.

Perbincangan di atas menunjukkan Hu Jintao menggunakan pendekatan yang sama seperti pemimpin-pemimpin sebelumnya untuk mengekalkan kuasa hegemoni China ke atas Tibet. Pendekatan tersebut ialah mengukuhkan pengaruhnya di Tibet dengan memaksimumkan penggunaan tentera di wilayah tersebut. Dengan bantuan tentera, China telah berjaya membangunkan hegemoninya di wilayah tersebut dan pada masa yang sama bertindak menyebarkan ajaran Konfusius melalui etnik Han. Tindakan tersebut mencetuskan pelbagai pencabulan hak asasi manusia baik dari segi kebebasan beragama mahupun peluang ekonomi.

## Kesimpulan

Perbincangan mendapati kerajaan China telah menggunakan kekuatan tentera untuk menyebarkan hegemoni ke Chinaannya. Hal ini dapat dilihat apabila setiap pemberontakan rakyat Tibet ditangani oleh kerajaan China dengan bantuan tentera. Selain itu, analisis juga menunjukkan kerajaan China melaksanakan hegemoninya ke atas wilayah Tibet dengan cara paksaan. Ini dapat dilihat dari tindakan kekerasan yang dilakukan oleh kerajaan China terhadap rakyat Tibet yang menuntut dan memperjuangkan kemerdekaan wilayah mereka. Di antara tindakan-tindakan kekerasan yang dilakukan oleh kerajaan China ialah memberi tekanan, menahan dan menyiksa pemberontak-pemberontak yang terdiri daripada penduduk wilayah tersebut. Justeru itu, terdapat banyak kritikan dari pihak antarabangsa yang mempersoalkan pelanggaran hak asasi manusia oleh kerajaan China terhadap rakyat Tibet yang memperjuangkan haknya.

Krisis dan koflik antara kerajaan China dengan Tibet ini tidak mudah diselesaikan kerana ia melibatkan soal adat, agama, kepercayaan dan cara hidup. Oleh itu, bagi menyelesaikan krisis ini, maka adalah penting bagi

kedua-dua pihak yang bertikai menggunakan kaedah diplomasi bagi mencapai kesepakatan agar impaknya tidak merugikan.

### **Nota Akhir**

1. Jiang Zemin dilahirkan pada 17 Ogos 1926 di bandar Yangzhou, wilayah Jiangsu dan beliau merupakan graduan lulusan sarjana kejuruteraan elektrik daripada Universiti Jiaotong Shanghai. Semasa di kampus, beliau telah menyertai kumpulan mahasiswa gerakan bawah tanah yang ditubuhkan oleh Parti Komunis China pada tahun 1946. Pada tahun 1955, beliau berhijrah ke Kesatuan Soviet dan bekerja di Stalin Automobile Work selama setahun. Namun, pada tahun 1956 beliau kembali ke China dan bertugas sebagai Timbalan Jurutera Tenaga Elektrik. Setahun kemudian beliau dilantik sebagai Pengarah Kementerian Industri Pembuatan Mesin dan pada tahun 1984 beliau dipilih sebagai Menteri Industri Elektronik. Ketika memegang jawatan sebagai Menteri di bawah pemerintahan Deng Xiaoping, Jiang bertanggungjawab merancang reformasi ekonomi China dengan mencadangkan kepada kerajaan supaya membangunkan projek infrastruktur daripada pelaburan asing untuk dijadikan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi China. Antara projek tersebut ialah Jambatan Nanhu, projek pengendalian air tercemar, dan pembangunan lapangan terbang. Untuk maklumat lanjut lihat, Wo-Lap Lam & Luk Luh (1999, Gungwu & Yongnian (2004) dan Yiu-Chung (2005).
2. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Yayasan Voice of a Girl yang diketuai oleh Chai Ling, iaitu bekas pemimpin gerakan Tiananmen 1989, dalam masa sembilan tahun sahaja, kadar kelahiran bayi di China yang mencapai 400 juta orang pada tahun 1970 menurun sebanyak 2.75 peratus pada tahun 1979, menurun kepada 2.1 peratus pada tahun 1990 dan menurun lagi kepada 1.3 peratus pada tahun 2011. Daripada penyelidikan Voice of A Girl tersebut, kerajaan China telah membunuh 400 juta janin selama 31 tahun pemerintahan PKC. Keadaan ini berbeza semasa zaman pemerintahan Mao Zedong apabila kerajaan menggalakkan kelahiran anak dan semakin banyak kelahiran anak, maka kedudukannya semakin dihormati oleh kerajaan China. Bahkan Mao Zedong memberikan penghormatan kepada kaum wanita yang melahirkan anak lebih daripada sepuluh orang dengan panggilan Ibu yang Mulia. Untuk maklumat lanjut, rujuk Wo-Lap Lam (2007).

## Rujukan

- Adam Yuet Chau. 2011. *Religion in contemporary China: revitalization and innovation*. Stanford: Stanford University Press.
- Ardley, J. 2002. *The Tibetan independence movement: political, religious and Gandhian perspectives*. New York: Routledge Curzon.
- Barnett, R. & Akiner, S. 2002. *Resistance and reform in Tibet*. Bloomington: Indiana University Press.
- Boyd, H.R. 2004. *The future of Tibet: the government-in-exile meets the challenge of democratization*. New York: Peter Lang.
- Bramall, C. 2008. *Chineses economic development*. New York: Routledge Curzon.
- Buckley, M. 2006. *Tibet*. New York: Crown Publishing.
- Carlson, A. 2004. *Beijing's Tibet policy: securing sovereignty and legitimacy*. Washington: East-West Center.
- Daniel, K. D. 2007. *Hu Jintao: modern world leaders*. Chelsea House Publications.
- Dingxin, Zhao. 2004. *The power of Tiananmen: state-society relations and the 1989 Beijing student movement*. London: The University of Chicago.
- Evans, R. 1994. *Deng Xiaoping and the making of modern China*. New York: Viking.
- Ezra, P. 1969. *Confucius: the gaet digest, the unwobbling pivot, the analects*. New York: New Direction Publishing Corporation.
- Fischer, A. M. 2005. *State growth and social exclusion in Tibet: challenges of recent economic growth*. Copenhagen: Nordic Institute of Asian Studies Press.
- Goldstien, M. C. 1989. *The snow lion and the dragon: China, Tibet, and the Dalai Lama*. California: University Of California Press.
- Goldstien, M. C. 2009. *A history of modern Tibet: the calm before the storm, 1951-1955*. California: University Of California Press.
- Gungwu, W & Yongnian, Z. 2004. *Damage control: the Chinese Communist Party in the Jiang Zemin era*. New York: International Specialized Book Service.
- Heilmann, S. 2008. From local experiments to national policy: the origins of China's distinctive policy process. *China Journal* 59(1):1-30
- Hillebrand, J. 2008. *The EU and China: the impact of EU policy on the human rights situation in the People's Republic of China*. Munich: GRIN Press.
- Howson, R. 2008. *Hegemony: studies in consensus and coercion*. New York: Routledge.
- Hung-Mao Tien & Yun-Han Chu. 2000. *China under Jiang Zemin*. Singapore: Lynne Rienner Publishers.
- Jeffries, I. 2010. *Political developments in contemporary China: a guide*.

- New York: Routledge.
- Lal, D. 2008. *Indo-Tibet-China conflict*. India: Kalpaz Publications.
- Laird, T. 2006. *The story of Tibet: conversations with the Dalai Lama*. London: Grove Press.
- Lawrence, K. R. 2005. *The man who changed China: the life and legacy of Jiang Zemin*. New York: Crown Publishing.
- Lusted, M. A. 2010. *Tiananmen square protests*. New York: ABDO Publishing.
- Meisner, M. J. 2007. *Mao Zedong: a political and intellectual portrait*. New York: Polity Press.
- Naughton, B. 2007. *The Chinese economy: transitions and growth*. Cambridge: MIT Press.
- Norbu, D. 2001. *China's Tibet policy*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Peiris, D. 1978. Change of tune but not tempo. *Far Eastern Economic Review*, 10 November: 38-40.
- Palace, W. 2005. *The British empire and Tibet, 1900-1922*. New York: Routledge Curzon.
- Powers, J. 2004. *History as propaganda: Tibetan exiles versus the People's Republic of China*. Oxford: Oxford University Press.
- Sautman, B & Dreyer, J. T. 2001. *Contemporary Tibet: politics, development, and society in a disputed region*. New York: M.E. Sharpe Inc.
- Smith, W. 1996. *Tibetan nation: a history of Tibetan nationalism and Sino-Tibetan relations*. Boulder: Westview Press.
- Smith, W. 2008. *Tibet's last stand?: the Tibetan uprising of 2008 and China's response*. Boulder: Westview Press.
- Smith, W. 2009. China's Tibet?: autonomy or assimilation. Boulder: Westview Press.
- Stewart, W. 2001. *A lerner biography: Deng Xiaoping leader in a changing China*. Sydney: Lerner Publishing Group.
- Stewart, W. 2006. *Biography: Mao Zedong*. Lerner Publishing Group.
- Tuttle, G. 2007. *Tibetan Buddhists in the making of modern China*. New York: Columbia University Press.
- Wang, Y. 2010. *Thirty years of China's economic reform: institutions, management organizations and foreign investment*. London: Nova Science Pub.
- Whyte, M. K. 2007. *One country, two societies: rural-urban inequality in contemporary China*. Harvard: Harvard University Press.
- Willy, Wo-Lap Lam. 2005. *China after Deng Xiaoping: power struggle in Beijing since Tiananmen*. Singapore: National University of Singapore Press.

- Worden, M. 2011. *China's great leap: the Beijing games and Olympian human rights challenges*. London: Seven Stories Press.
- Wo-Lap Lam, W & Luk Luh, L. 1999. *The era of Jiang Zemin*. Singapore: Prentice-Hall.
- Wo-Lap Lam, W. 2007. *Chinese politics in the Hu Jintao era: new leaders, new challenges*. Singapore: Prentice-Hall.
- Yiu-Chung, W. 2005. *From Deng Xiaoping to Jiang Zemin: two decades of political reform in the People's Republic of China*. New York: University Press of America.
- Zhang Liang. 2001. *Tiananmen papers*. New York: Public Affair Books Publishers.

### **Nota Biografi**

Ishar Manaf mendapat ijazah pertamanya dalam bidang Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Minat penyelidikan beliau adalah tentang hak asasi manusia di dunia ketiga. Sekarang ini beliau sedang menyiapkan kajian sarjana beliau tentang hak asasi manusia di Tibet [e-mel: ishar05@yahoo.com].

Dori Efendi adalah seorang pensyarah di Sekolah Tinggi Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (STISIP-NH), Jambi. Beliau memperolehi ijazah pertamanya dalam bidang sains politik dari Universitas Muhammadiyah, Yogyakarta dan ijazah sarjananya dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang yang sama. Sekarang ini, beliau sedang menyiapkan penyelidikan Ph.D tentang peranan politik mahasiswa dalam pendemokrasian di Indonesia di Universiti Putra Malaysia [e-mel: doriefendi@yahoo.com].

Ahmad Tarmizi Talib memperolehi Ijazah Sarjanamuda dalam bidang Teologi dari Universiti Al-Azhar, Mesir dan ijazah PhD dalam bidang Pengajian Agama dari University of Wales, Lampeter. Beliau juga adalah penilai kepada Jurnal Pertanika dan Malaysian Journal of Youth Studies. Bidang penyelidikan beliau adalah budaya dan agama, hubungan etnik dan hubungan antara agama. Sekarang ini beliau adalah Ketua Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Kerajaan, Fakulti Ekologi Manusia, Univesiti Putra Malaysia [e-mel: tarmizi@putra.upm.edu.my].